

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN  
(SEPANG)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN [ SEPANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap isu penamaan (nomination) yang melibatkan wang yang disimpan di Kumpulan Wang Simpanan seperti di KWSP yang melibatkan simpanan orang-orang Islam sebagai contoh orang bukan Islam dibenarkan terus menjadi penama kepada pencarum yang beragama Islam.

**JAWAPAN**

Setiap ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang berumur lapan belas tahun dan ke atas boleh menamakan mana-mana orang sebenar di dalam Borang KWSP 4 untuk menerima amaun yang berada

pada kredit ahli dan yang perlu dibayar selepas kematiannya kepada penama berkenaan untuk menerima dan mentadbir simpanan KWSP apabila ahli meninggal dunia.

2. Bagi ahli beragama Islam, orang yang dinamakan untuk menerima simpanan KWSP atau penama hanya berperanan sebagai Wasi atau Pentadbir simpanan tersebut dan bukannya penerima. Ini adalah selaras dengan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan ke-49 pada 10 September 2000 yang telah memutuskan bahawa wang simpanan ahli KWSP beragama Islam yang meninggal dunia adalah harta pusaka dan penama KWSP adalah sebagai Wasi atau Pentadbir hendaklah membahagikan simpanan KWSP si mati mengikut Hukum Faraid.

3. Pada masa ini, KWSP membenarkan ahli yang beragama Islam menamakan sesiapa sahaja sebagai penama yang bertindak sebagai Pentadbir dan tidak terhad kepada waris ataupun orang Islam sahaja. Ahli bebas memilih orang yang dirasakan layak dan boleh dipercayai untuk menjadi Pentadbir yang berperanan untuk mentadbir dan mengagihkan simpanan KWSP beliau kepada waris yang berhak setelah ahli meninggal

dunia. Sistem Penamaan ini membolehkan Penama/ Pentadbir membuat tuntutan dan pihak Pengurusan KWSP menguruskan pembayaran simpanan KWSP ahli yang meninggal dunia kepada Penama selaku Pentadbir dengan cepat dan mudah.